

BN Mampu Laksana Aku Janji Berdasarkan Pengalaman Sedia Ada - Muhyiddin Bernama
8 April, 2013

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mempunyai pengalaman yang boleh diguna pakai untuk melaksanakan semua agenda yang terkandung dalam manifesto parti itu jika dipilih semula untuk mentadbir negara pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Pengerusi BN itu berkata sepanjang lima dekad menerajui pentadbiran negara, kerajaan BN telah berjaya memajukan kualiti hidup rakyat menerusi pelbagai perubahan besar dalam agenda pembangunan negara.

"Pengalaman yang sudah ada hendak kita gunakan untuk menjana proses pertumbuhan yang lebih besar lagi, baik berkaitan dengan pembangunan ekonomi, pendidikan, belia, wanita dan pembangunan agama.

"Sebab itu dalam kita hendak menyediakan manifesto, kita mengambil kira apakah situasi dan keadaan sebenar dalam negara dan apakah yang diharapkan oleh rakyat kepada mana-mana pihak yang hendak menerajui negara," katanya.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata demikian dalam program Soal Jawab Khas di TV3 yang dikendalikan oleh Pengarah Eksekutif Operasi Berita dan Editorial Media Prima, Datuk Ahmad A Talib Isnin malam.

Justeru, beliau berkata manifesto yang dibentangkan oleh Pengerusi BN Datuk Seri Najib Tun Razak, Sabtu lepas, bukanlah 'menanam tebu di bibir' semata-mata, sebaliknya merupakan janji-janji yang diyakini boleh dilaksanakan jika BN diberi mandat baharu pada PRU13.

Muhyiddin berkata BN telah mengambil kira segala aspek keupayaan kewangan negara yang mampu dijana dan "kita tidak boleh buat sesuatu di luar keupayaan."

"Kita tidak boleh letak negara dalam keadaan yang terumbang ambing atau menghadapi masalah malapetaka hanya kerana kita berjanji kepada rakyat, dan kita tahu kita tidak boleh laksanakan," katanya.

Beliau turut menegaskan dalam menyediakan manifesto, BN memastikan tidak ada satu pun golongan yang tercicir kerana ia telah dirangka dengan begitu terperinci dengan mengambil kira pandangan di peringkat akar umbi menerusi pelbagai program seperti program tinjauan mesra yang dilakukan oleh Perdana Menteri dan beliau sendiri.

"Ia (penghasilan manifesto) mengambil masa agak lama. Ada satu pasukan yang merancang, meneliti dan menyediakan draf dan bukan sekali dikupas tapi berkali-kali supaya tidak ada satu pun yang dianggap penting terkecuali atau tidak tersenarai dalam manifesto kali ini," katanya.

Misalnya, inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), katanya pemberian itu tidak terkandung di dalam manifesto sebelum ini tetapi dilaksanakan oleh kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan setelah mengambil kira impak dan manfaat bergandanya kepada rakyat dan ekonomi negara.

Muhyiddin turut menyifatkan pembentangan manifesto BN di hadapan rakyat jelata kali ini adalah yang paling luar biasa yang pernah beliau saksikan sepanjang kerjayanya dalam politik selama 40 tahun.

Menyentuh mengenai kenapa BN perlu diberikan mandat untuk terus mentabdir negara, beliau berkata ini adalah untuk pastikan hala tuju Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 yang telah terbina selama ini tidak terencat semata-mata kerana fahaman politik yang berbeza.

"Umpamanya dalam soal Program Transformasi, ia sudah berjalan dan mengapa kita mahu menghalang dan "mengelincir keretapi ke dalam gaung".

Beliau berkata pengundi juga perlu bersikap rasional dalam memilih kerajaan yang mampu memikul amanah dan diyakini untuk membawa Malaysia ke arah kecemerlangan.

"Soal menukar kerajaan bukannya satu perkara lumrah. (Ada yang berkata) Cubalah kalau besok tak boleh kita tukar balik semula.

"Pasal, asasnya dah terbentuk dan kita hanya berkata kita perlu mencuba dan apabila mencuba mungkin banyak yang terpaksa di 'roll back' (diundurkan). Maka bagaimana hala tuju masa depan.?"

"Kalau kita hendak melihat masa depan yang lebih terjamin, situasi ekonomi yang lebih mantap, peluang lebih baik dan masa depan yang cerah, maka tentulah mereka akan mencari pihak yang lebih berpengalaman," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940507>